



LEMBAGA KOKO MALAYSIA (LKM) (KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf tetap di Lembaga Koko Malaysia seperti berikut;

1 JAWATAN

- 1.1 PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E44
- 1.2 PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

2. MAKLUMAT JAWATAN DAN SYARAT LANTIKAN

2.1 PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E44

- i) *Bil. Kekosongan* : Satu (1) jawatan
- ii) *Klasifikasi Perkhidmatan* : Ekonomi
- ii) *Kumpulan Perkhidmatan* : Pengurusan dan Profesional
- iv) *Taraf dan Gred Jawatan* : Tetap / E44
- v) *Jadual Gaji Minimum-Maksimum* : RM3,556.00 – RM10,411.00
- vi) *Penempatan* : Bahagian Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti, Ibu Pejabat, LKM Kota Kinabalu, Sabah

2.1.1 Syarat-Syarat Lantikan

Pemohon HENDAKLAH yang sedang atau masih berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Perkhidmatan Awam Negeri / Badan Berkanun Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan dan memenuhi syarat-syarat berikut:-

- a) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- b) Bebas daripada hukuman tatatertib;
- c) Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik bagi 3 tahun terakhir;
- d) Mempunyai kesihatan baik yang diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar;
- e) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan;
- f) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa; dan

- g) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

2.1.2 Syarat-syarat Khusus

- i) Pemohon mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) [LL.B (Hons)] yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii) Pemohon telah disahkan dalam perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Pegawai Ehwat Ekonomi Gred E41;
- iii) Pemohon telah berada di Gred E41 bagi tempoh minimum lima (5) tahun dalam tempoh perkhidmatan yang melayakkan;
- iv) Pemohon yang berada di Gred E44 hendaklah telah berada di gred berkenaan bagi tempoh minimum 12 bulan dalam tempoh perkhidmatan yang melayakkan;
- v) KEUTAMAAN adalah diberi kepada pemohon yang berada di Skim Perkhidmatan Pegawai Ehwat Ekonomi Gred E41 atau E44 dan mempunyai pengalaman melaksanakan kerja dalam bidang Undang-Undang dan Penguatkuasaan bagi tempoh minimum tiga (3) tahun.

2.1.3 Deskripsi Tugas dan Tanggungjawab

Menguatkuasa Akta 343 Lembaga Koko Malaysia, Peraturan-peraturan Lembaga Koko Malaysia 2012 dan Peraturan-Peraturan (Mengkompaun Kesalahan) 2013

- i) Menjalankan lawatan penguatkuasaan
- ii) Menawarkan kompaun kesalahan
- iii) Mendapatkan bukti-bukti pendakwaan
- iv) Menjalankan penyiasatan
- v) Menyediakan kertas siasatan
- vi) Menjalankan pendakwaan di mahkamah
- vii) Mengkaji dan menyemak akta dan peraturan

2.2 PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

- i) *Klasifikasi Perkhidmatan* : Kewangan
- ii) *Kumpulan Perkhidmatan* : Pelaksana
- iii) *Taraf dan Gred Jawatan* : Tetap / W29
- iv) *Jadual Gaji Minimum-Maksumum* : RM1,498.00 – RM5,578.00
- v) *Penempatan* : Ibu Pejabat LKM,
Kota Kinabalu, Sabah
(Unit Audit Dalam)

2.2.1 Syarat Kelayakan

- a) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
- b) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan; **ATAU**

- c) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
 - d) *Licentiate of The Chartered Institute of secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- DAN**
- e) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.2.2 Keutamaan adalah diberi kepada calon yang:-

- **Memperolehi Diploma Perakaunan sahaja.**
- **Pengajian dalam mata pelajaran sains tulen dan perakaunan di peringkat SPM atau SRP/PMR atau salah satu sahaja.**
- **Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja khususnya di firma audit swasta.**
- **Mahir dalam standard perakaunan dan pengauditan Malaysia dan Antarabangsa**
- **Calon mestilah fasih bertutur serta menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.**
- **Calon mestilah bersedia untuk bekerja di luar pejabat dan bekerja dengan penyeliaan minima.**
- **Calon hendaklah aktif dalam bidang sukan.**

2.2.3 Deskripsi Tugas

- i) Membantu Juruaudit (Ketua Unit Audit Dalam) menjalankan kerja-kerja pengauditan pengurusan.
- ii) Membantu Juruaudit (Ketua Unit Audit Dalam) menjalankan kerja-kerja pengauditan kewangan.
- iii) Membantu Juruaudit (Ketua Unit Audit Dalam) sebagai urusetia Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL) LKM
- iv) Membantu Juruaudit (Ketua Unit Audit Dalam) mendapatkan maklumat dan data-data untuk tujuan pengauditan.
- v) Menyediakan surat, memo, laporan, rujukan dan sebagainya sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Unit Audit Dalam.
- vi) Mengemaskini daftar, edaran dan maklumbalas laporan Unit Audit Dalam.
- vii) Membantu merancang, menyelia dan melaksanakan program tahunan pengauditan.
- viii) Membantu menyediakan anggaran Belanjawan Tahunan Unit Audit Dalam.
- ix) Membantu membuat auditan susulan ke atas laporan-laporan audit dalam terdahulu.
- x) Melaksanakan arahan Ketua unit Audit Dalam dari semasa ke semasa.

3. SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN

- i) Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- ii) Calon-calun bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- iii) Bagi calon-calun yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Perkhidmatan Awam Negeri / Badan Berkanun Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah berumur:-
 - kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun
- iv) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Perkhidmatan Awam Negeri / Badan Berkanun Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini, Laporan Penilaian Prestasi terkini bagi tiga tahun berturut, slip gaji terkini serta surat kebenaran dan sokongan.

4. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon-calun yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

5. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat www.koko.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Ijazah, Diploma (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), STPM/SPM/PMR/PT3, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **jam 5:00 Petang, Rabu 23 Januari 2019** ke Ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
TINGKAT 5, 6 & 7 WISMA SEDCO,
LORONG PLAZA WAWASAN
OFF COASTAL HIGHWAY
BEG BERKUNCI 211
88999 KOTA KINABALU, SABAH.**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat. Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan** dan **akan dianggap tidak berjaya**, hanya calon-calun yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.